

# Gaji minimum bantu pekerja cukup simpanan persaraan

Oleh AHMAD FADHLULLAH  
ADNAN  
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Gaji minimum RM1,500 mencukupi untuk membantu pekerja mencapai simpanan RM240,000 menjelang persaraan untuk dibelanjakan selama 20 tahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penganalisis ekonomi, Prof. Emeritus Dr. Barjoyai Bardai berkata, ini kerana pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menyumbang 2.4 peratus daripada gaji bulanan boleh mempunyai simpanan kira-kira RM200,000 pada usia 55 tahun jika mereka bekerja sejak usia 25 tahun.

Menurut beliau, ia tidak termasuk kenaikan gaji dan dividen tahunan yang berkonsepkan *compounding* atau konsep keuntungan atas keuntungan yang membolehkan dividen itu dilaburkan semula sekali gus meningkatkan lagi jumlah simpanan pencarum.

"Sebagai contoh gaji RM1,500 dengan kadar 2.4 peratus sebulan, jadi mereka menyumbang RM360 sebulan, setahun sudah

RM4,300 dan jika dapat pulangan enam peratus, akhir tahun pertama sudah jadi RM4,600.

"Dengan konsep *compounding*, RM4,600 ini dalam tempoh 15 tahun boleh jadi kira-kira RM100,000, tetapi ada masa 15 tahun lagi jika mereka mula bekerja dari usia 25 tahun.

"Kalau gaji RM3,000 sebulan, setahun ada RM8,640, dapat dividen enam peratus, akhir tahun pertama sudah RM9,000 dan dalam masa 15 tahun pekerja itu akan ada RM200,000.

"Jika mencarum usia 25, maka usia 40 sudah ada dekat RM200,000 dan kalau terus mencarum, dengan mudah mempunyai baki simpanan lebih semasa bersara," katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin media melaporkan, sejumlah 70 peratus daripada 8.7 juta ahli aktif KWSP tidak mempunyai simpanan mencukupi bagi menampung perbelanjaan selepas bersara.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, minimum simpanan yang diperlukan untuk hidup dalam tempoh 20 tahun selepas bersara dengan angga-

ran perbelanjaan RM1,000 sebulan adalah RM240,000.

Namun menurut beliau, setakat Mei 2023 hanya 30 peratus pencarum KWSP yang mencapai simpanan asas mengikut umur 55 tahun iaitu RM240,000.

Barjoyai berkata, pihaknya percaya kebanyakan pencarum boleh mencapai jumlah RM240,000 sekiranya tidak menggunakan simpanan tersebut untuk tujuan lain selain untuk bersara.

Bagaimanapun katanya, kebanyakan penyimpan KWSP pada masa kini menggunakan wang caruman untuk membeli rumah atau melabur dalam amanah saham, maka itu yang menyebabkan kebocoran dalam sistem.

"Gaji RM1,200 kalau pekerja itu tidak usik pun boleh mencapai (simpanan minimum), jadi kena elakkan kebocoran dan kena ada disiplin.

"Tetapi kalau beli rumah itu tidak mengapa sebab pulangan modal ke atas rumah atau kenaikan harga rumah lebih tinggi daripada enam peratus setahun (dividen KWSP), jadi lebih baik laburkan kepada rumah daripada

da terus simpan di KWSP.

"Cuma, kalau melabur amanah saham itu risiko besar sebab statistik menunjukkan semua orang yang mengeluarkan caruman dan melabur di amanah saham, semua rugi dan tidak masuk semula di KWSP," katanya.

Pada masa sama, Barjoyai berkata, pencarum yang sudah mencapai umur persaraan disyorkan untuk terus menyimpan di KWSP dengan mengeluarkan caruman secara berkala atau bulanan.

Katanya, ini kerana langkah itu membantu pencarum mendapat dividen daripada jumlah simpanan terkumpul kerana wang simpanan masih kekal.

"Misalnya kalau kita bersara dan ada RM250,000 dan dividen tahunan lebih kurang enam peratus, jadi dividen sahaja dapat RM15,000 dan jika dibahagikan dengan 12 bulan, dapat RM1,250.

"Jadi simpanan RM250,000 masih kekal dan setiap tahun dapat pulangan yang boleh digunakan untuk tampung perbelanjaan manakala simpanan pula untuk tunaikan ibadah haji atau kecemasan," katanya.

TARIKH: 11/7/23  
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia  
MUKA SURAT: 30